

NOTIS PENGAGIHAN AIR BERJADUAL DI KAWASAN HULU LANGAT, KUALA LANGAT DAN SEPANG EKORAN PENUTUPAN LOJI RAWATAN AIR (LRA) CHERAS BATU 11 DAN LRA BUKIT TAMPOI

Susulan daripada keadaan bekalan air yang terputus disebabkan penutupan LRA Cheras Batu 11 dan LRA Bukit Tampoi kerana pencemaran ammonia di dalam Sungai Langat sejak 28 Januari 2014 yang lalu, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah meluluskan Pelan Pengagihan Air Berjadual dilaksanakan di beberapa kawasan di Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Pihak SPAN akan menyelaras dalam pengurusan dan pelaksanaan Pelan Pengagihan Air Berjadual tersebut dengan sumber-sumber daripada Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS).

Sehubungan itu, berikut adalah Pelan Pengagihan Air Berjadual untuk makluman semua pengguna terlibat:

<p>1. TEMPOH PERLAKSANAAN PELAN PENGAGIHAN AIR BERJADUAL Bermula pada 27 Februari 2014 (Khamis) hingga 31 Mac 2014 (Isnin). Tempoh ini tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa oleh Kerajaan Negeri Selangor dan SPAN.</p>	<p>2. KAWASAN TERLIBAT Kawasan yang terlibat di Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang dibahagikan kepada 2 zon seperti di dalam JADUAL 1 dan 2.</p>
---	---

JADUAL 1 : WILAYAH HULU LANGAT								
ZON 1			ZON 1			ZON 2		
No	Taman/Kawasan	Jumlah Pintu Rumah	No	Taman/Kawasan	Jumlah Pintu Rumah	No	Taman/Kawasan	Jumlah Pintu Rumah
1	Taman Juara Jaya	667	15	Taman Tanming Ria	85	10	Taman Taming Indah	290
2	Taman Bukit Belimbing	2,300	16	Taman Sungai Besi Indah Zon 1	1,192	11	Taman Sejati	59
3	Taman Sungai Besi Indah 1,2 & 3	5,200	17	Juta Mines Kondominium Seri Kembangan	606	12	Taman Seri Sungai Long	397
4	Taman Harmoni Indah	700	Jumlah		19,167	13	Taman Bukit Sungai Long	200
5	Taman puncak Utama Seri Kembangan	350	ZON 2			14	Rumah Kenangan Cheras	50
6	Taman Putra Budiman	400	1	Kawasan Perindustrian Cheras Jaya	2,697	15	Taman Dutamas	299
7	Taman Balakong Jaya	2,486	2	Taman Impian Ehsan Seri Kembangan	6,844	16	Taman Setia Kasturi Cheras	108
8	Taman Seri Timah	350	3	Taman Desa Karunmas Seri Kembangan	2,470	17	AEON Cheras Selatan	50
9	Taman Tanming Jaya	3,253	4	Kampung Baru Balakong	838	18	Taman Industri Balakong Jaya	148
10	Kawasan perindustrian Balakong	60	5	Taman Kasturi Cheras	981	19	Taman Setia Balakong	793
11	Taman Industri Selesa Jaya, Seri Kembangan	619	6	Taman Sri Indah Cheras	675	20	Taman Sinaran	180
12	Taman Industri Balakong	130	7	Taman Bukit Emas	311	21	Kawasan Perniagaan Desaria Seri Kembangan	129
13	Taman Tanming Permai	432	8	Taman Cheras Jaya	2,562	22	Dataran C180 Balakong	100
14	Taman Industri Lifong	337	9	Taman Impian Indah	1,097	Jumlah		21,278

JADUAL 2 : WILAYAH KUALA LANGAT & SEPANG								
ZON 1			ZON 1			ZON 2		
No	Taman/Kawasan	Jumlah Pintu Rumah	No	Taman/Kawasan	Jumlah Pintu Rumah	No	Taman/Kawasan	Jumlah Pintu Rumah
1	Kampung Olak Lempit	1,295	13	Taman Sri Dagang	103	4	Taman KLIA Indah	135
2	Kampung Bukit Changgang	440	14	Taman Langat Murni	1,146	5	Tiara Heights	155
3	Kampung Labohan Dagang	1,112	15	Taman Langat Utama	597	6	Taman Ixora	627
4	Selangor Dredging	167	16	Taman Murnimas	468	7	Taman Dahlia	1,063
5	Taman Changgang Jaya	285	17	Taman Seri Telok Datok	416	8	Taman Seroja	962
6	Kompleks Perabut Olak Lempit	124	18	Taman Sri Cheding	100	9	Taman Mawar (Mawar 1, Mawar 2, Mawar Perdana, Emas Villa)	1,500
7	RTB Bukit Changgang	424	19	Sekolah Tamil Sungai Sedu	1	10	Taman Kenanga	179
8	Bandar Sri Ehsan	1,132	Jumlah		9,867	11	Taman Desa Vista	786
9	Bandar Mahkota	1,396	ZON 2			12	Taman Desa Bestari	408
10	Bandar Sungai Emas	272	1	Kota Warisan	3,176	13	Salak Permai	148
11	Taman Arked	251	2	Warisan Bestari	346			
12	Taman Ambar	138	3	Taman Bunga Raya	388	Jumlah		9,873


3. JADUAL PENGAGIHAN

- **Jadual pengagihan berdasarkan konsep pembekalan air: dua (2) hari dapat air dan dua (2) hari tiada air.**
- Untuk zon yang dijadualkan ada air, pengguna dijangka mendapat bekalan air pada jam 4 petang pada hari zon tersebut dijadualkan ada air. Bekalan air dijangka berterusan selama kira-kira 41 jam sehingga ditutup semula pada jam 9 pagi 2 hari selepas itu.
- Untuk zon yang dijadualkan tiada air, bekalan air kepada pengguna dijangka mula terhenti pada jam 9:00 pagi pada hari zon tersebut dijadualkan tiada air. Tempoh tiada air dijangka selama kira-kira 55 jam sehingga dibuka semula pada jam 4 petang 2 hari selepas itu.
- Oleh kerana perbezaan jarak di antara kolam air dengan setiap premis pengguna; dan perbezaan paras ketinggian kawasan pengguna dengan kolam air, masa sebenar pengguna mendapat bekalan air dijangka berbeza beberapa jam dari masa yang dijadualkan.

Bil.	Tarikh	Hulu Langat		Kuala Langat & Sepang		Bil.	Tarikh	Hulu Langat		Kuala Langat & Sepang		Bil.	Tarikh	Hulu Langat		Kuala Langat & Sepang	
		Zon 1	Zon 2	Zon 1	Zon 2			Zon 1	Zon 2	Zon 1	Zon 2			Zon 1	Zon 2	Zon 1	Zon 2
1	27-Feb-14					13	11-Mar-14					25	23-Mar-14				
2	28-Feb-14					14	12-Mar-14					26	24-Mar-14				
3	1-Mar-14					15	13-Mar-14					27	25-Mar-14				
4	2-Mar-14					16	14-Mar-14					28	26-Mar-14				
5	3-Mar-14					17	15-Mar-14					29	27-Mar-14				
6	4-Mar-14					18	16-Mar-14					30	28-Mar-14				
7	5-Mar-14					19	17-Mar-14					31	29-Mar-14				
8	6-Mar-14					20	18-Mar-14					32	30-Mar-14				
9	7-Mar-14					21	19-Mar-14					33*	31-Mar-14				
10	8-Mar-14					22	20-Mar-14										
11	9-Mar-14					23	21-Mar-14										
12	10-Mar-14					24	22-Mar-14										

Petunjuk: * 1 hari ada air, 1 hari tiada air

Ada Air



Tiada Air



4. POLISI PENGAGIHAN AIR BERJADUAL

- Tiada bantuan air menggunakan lori-lori tangki dan tangki air statik bagi zon yang dijadualkan tiada air **KECUALI** bagi pengguna-pengguna kritikal atau situasi yang amat memerlukan seperti upacara kematian, kenduri, pusat dialysis, hospital (kerajaan/swasta), rumah kebajikan dan lain-lain.
- Bagi zon dijadualkan ada bekalan air tetapi mengalami gangguan bekalan air disebabkan berada di kawasan tinggi atau di penghujung sistem agihan, bantuan air menggunakan lori-lori tangki dan tangki air statik akan disediakan atas permintaan.
- Keutamaan tangki-tangki statik akan diletakkan di tempat-tempat yang sesuai mengikut keutamaan.

Catatan untuk pengguna komersial dan industri:

Bantuan bekalan air tidak akan diberi kepada pengguna komersial dan industri. Pengguna komersial dan industri boleh memohon pembelian air dari pihak SYABAS dengan menyediakan pengangkutan sendiri dan tertakluk kepada kelulusan SYABAS.

5. BILIK GERAKAN/OPERASI PELAN PENGAGIHAN AIR BERJADUAL

- Bilik gerakan/operasi dan pusat informasi pengguna bagi kawasan-kawasan yang terjejas akibat penutupan Loji Rawatan Air Bukit Tampoi dan Cheras Batu 11 adalah seperti berikut:



Talian bebas tol 24 jam

1-800-88-5252

SMS

39222

Taip: PUSPEL<jarak>
<aduan/maklumbalas>

Ikuti @puspel di



www.syabas.com.my
puspel@syabas.com.my

6. KERJASAMA DARIPADA PENGGUNA

- Para pengguna disarankan untuk berjimat-cermat dalam menggunakan air, menghadkan kegunaan untuk **keperluan utama sahaja**, mengelakkan pembaziran dan penggunaan kurang kritikal seperti mencuci kenderaan, mencuci premis kediaman, mengisi kolam renang dan berlebihan menyiram tanaman hiasan
- Pengguna ditegah dari melakukan aktiviti terlarang dan menyalahi undang-undang semata-mata untuk mendapatkan bekalan air seperti merosakan sistem paip agihan kerana ianya akan menyebabkan pembaziran dan lebih banyak kehilangan/kekurangan bekalan air dan menyebabkan masalah kekurangan bekalan air bertambah teruk
- Para pengguna diminta memahami situasi dan bersabar apabila panggilan tidak dapat menembusi talian PUSPEL kerana jumlah panggilan yang diterima dijangka amat tinggi pada sesuatu masa dan melampaui kapasiti PUSPEL.